

Usah terburu-buru tanam ketum skala besar

15 Mei 2022

## Usah terburu-buru tanam ketum skala besar

**Padang Terap:** Penduduk luar bandar di Kedah khususnya di Padang Terap tidak perlu terburu-buru menanam ketum dalam skala besar walaupun ada cadangan untuk mengeksport tanaman itu ke luar negara bagi tujuan perubatan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata sebaliknya penduduk dinasihat menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu supaya perkara itu dapat dilakukan mengikut lunas undang-undang.

"Kita boleh positif dan progresif untuk tanam ketum, tetapi biarlah kita tunggu keputusan kerajaan dahulu.

"Sekiranya kerajaan sudah membuat keputusan membenarkan

eksport ketum, barulah penduduk boleh menanamnya mengikut lunas undang-undang ditetapkan," katanya pada Majlis Aidilfitri Parlimen Padang Terap di Pusat Komuniti Padang Kerasak, Naka di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas laporan berita mengenai penanaman ketum yang didakwa berleluasa dan terdapat pembukaan ladang ketum baharu di negeri ini khususnya di Padang Terap.

Mahdzir yang juga Ahli Parlimen Padang Terap berkata, tanaman ketum di daerah ini tidak berleluasa, sebaliknya ia hanya diuruskan semula.

"Sebenarnya ketum ini sudah lama ditanam khususnya di Padang Terap dan banyak rumah

yang tanam ketum. Namun tidak ada penambahan tanaman ketum ini (di Padang Terap).

"Apabila ada perkhabaran (cadangan daripada kerajaan negeri untuk eksport ketum ke luar negara) walaupun belum tentu lagi keputusan Kerajaan Persekutuan, mereka anggap ini sebagai tanda positif.

"Jadi mereka betulkan balik ladang-ladang itu yang sebelum ini tidak terurus, sebab itu ia nampak seperti ada penambahan," katanya.

Ditanya sama ada tanaman ketum ini akan menjejaskan kawasan sawah padi, beliau berkata ia berkemungkinan tidak akan sampai ke tahap itu kerana ketum tidak akan terus bertahan pada

harga tinggi sekiranya dibenarkan untuk dieksport kelak.

"Kita tidak tahu bagaimana keputusan kerajaan nanti...kalau kerajaan benarkan ketum dieksport, saya tak fikir ia akan bertahan dengan harga itu.

"Sebab ia akan jadi besar (penanaman) dan ramai tanam ketum, pasaran pun tidak tentu akan terus tinggi," katanya.

Sebelum ini media melaporkan jumlah keluasan tanaman ketum di seluruh Kedah dianggarkan kira-kira 140 hektar membabitkan 84,577 batang pokok.

Daerah Padang Terap meredakan kawasan paling luas iaitu 94.36 hektar, diikuti Padang (30.5 hektar), Sik (7.2 hektar) dan Baling (3.7 hektar).

“Sekiranya kerajaan sudah membuat keputusan membenarkan eksport ketum, barulah penduduk boleh menanamnya mengikut lunas undang-undang ditetapkan”

**Mahdzir Khalid,**  
Menteri  
Pembangunan  
Luar Bandar

